

# Amang seksual, lelaki warga asing dipenjara 16 tahun, enam sebatan

**SIBU:** Seorang lelaki warga Indonesia yang mlarikan diri daripada tahanan polis pada 21 Jun lepas, dijatuhi hukuman penjara 16 tahun berserta enam sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah disabitkan atas dua pertuduhan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan bawah umur.

Hakim Musyiri Peet terdahulu menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun berserta tiga sebatan terhadap tertuduh yang dikenali sebagai Buni, 25, bagi setiap pertuduhan, di mana hukuman berjalan berasingan bermula daripada tarikh tertuduh ditahan pada 13 Jun 2025.

Mengikut pertuduhan, Buni dituduh melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berumur 16 tahun tujuh bu-

lan di sebuah rumah panjang di Batang Igan pada Mac 2025, antara jam 3 dan 4 petang serta pada April 2025, antara jam 6.30 petang hingga 7.30 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16, akta sama.

Sementara itu di mahkamah sama, Buni turut dijatuhi hukuman penjara lapan bulan kerana tinggal lebih masa di negara ini selepas pas lawatan sosialnya tamat pada 30 Julai 2024.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di rumah panjang sama di Batang Igan pada 13 Jun 2025, jam lebih kurang 5 petang, satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(C) Akta Imigresen 1959/63 dan



**DIPENJARA:** Buni (tengah) dibawa keluar dari lokap mahkamah setelah dijatuhi hukuman atas empat pensabitan jenayah, semalam.

dihukum di bawah Seksyen 15(4), akta sama.

Dalam pada itu di Mahkamah Majistret, Buni dijatuhi hukuman penjara lapan bulan bagi pertuduhan mlarikan diri daripada

tahanan pihak polis ketika diiringi ke lokap di Balai Polis Sentral.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Balai Polis Sentral pada 21 Jun 2025, kira-kira jam 4 petang dan

didakwa mengikut Seksyen 224 Kanun Keseksian, yang sabit kesalahan hendaklah dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta ringkas kes, pada 21 Jun 2025, kira-kira jam 4 petang, setelah pengadu selesai mengambil keterangan daripada seorang lelaki warga Indonesia di Balai Polis Sentral, pengadu telah mengarahkan seorang anggota untuk mengiringi lelaki terbabit ke lokap balai.

Namun ketika sedang diiringi ke lokap, lelaki terbabit yang dikenali sebagai tertuduh telah bertindak meloloskan diri dengan tangan bergari.

Tertuduh bagaimanapun berjaya ditahan semula oleh pihak polis di hadapan sebuah rumah di Jalan Terap pada awal pagi 23 Jun lepas.